

Parit ditimbus

SEPANG: Lebih 80 pekebun sawit dan penanam kontan di Jalan Kilang, Kampung Olak Lempit, dekat sini kesal dengan tindakan sebuah syarikat mengorek pasir kerana menimbus sistem perparitan sehingga menyebabkan tanaman mereka ditenggelami air berikutan hujan lebat minggu lalu.

Pekebun mendakwa, sekiranya tiada langkah diambil, dikhawatiri lebih 100 hektar tanaman sawit akan musnah dan mengakibatkan kerugian besar.

Berdasarkan kedudukan asal, kedalaman sistem perparitan di kawasan itu adalah lima meter tetapi berkeruan sehingga tidak sampai satu meter akibat ditambah syarikat terbabit bagi melebarkan jalan.

Tinjauan *Sentral* mendapati, hampir 300 meter sistem perparitan itu tertimbus, sekali gus menyebabkan aliran air tersekat dan melimpah ke kawasan yang lebih rendah setiap kali hujan lebat.

Penduduk kurang senang mengenai masalah jalan raya yang rosak sepanjang 800 meter di kawasan itu kerana digunakan lori pasir yang keluar masuk sepanjang hari.

Difahamkan, syarikat terbabit turut mengalihkan jajaran saliran yang pada asalnya lurus menjadi bengkok, secara tidak langsung menyebabkan air sukar mengalir ke bahagian hulu ladang.

Pengerusi Jawatankuasa

“Parit tertimbus menyebabkan air melimpah selepas hujan lebat”

Hayon Kardi
Ketua UMNO
cawangan Olak Lempit



ABD NASIR (kanan) dan pekebun meninjau sistem perparitan yang tertimbus di Jalan Kilang, Kampung Olak Lempit, Sepang.

Pekebun dakwa kerugian tanaman sawit ditenggelami air

Kemajuan dan Keselamatan Kampung Persekutuan (JKKP), Abd Nasir Jajuli, berkata sistem perparitan penting kepada petani kerana tanpa penyelenggaraan berterusan, ia pasti memusnahkan tanaman mereka.

Beliau berkata, masalah itu bermula apabila saliran sedia ada dipenuhi dengan tanah, sekali gus menyebabkannya tersumbat seterusnya

berlaku masalah banjir kilat di kawasan itu.

"Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) juga dua kali mengeluarkan arahan kepada syarikat terbabit supaya membaiki saliran air itu, namun sehingga kini tiada sebarang tindakan," katanya.

Ketua UMNO cawangan Olak Lempit, Hayon Kardi, 69, berkata sistem perparitan tertimbus itu dipercayai pun-

ca limpahan air selepas hujan lebat minggu lalu.

Hayon berkata, beliau berharap syarikat terbabit mempercepatkan usaha membaiki sistem saliran itu seperti dijanjikan.

"Perkara ini pernah diajukan kepada syarikat terbabit, namun tiada tindakan dilakukan, mengakibatkan petani terus terdedah kepada risiko banjir dan tanaman

musnah disebabkan kekurangan bekalan air," katanya.

Pengusaha tanaman kontan, Sayuthi Tarsan, 65, berkata beliau tidak sangka hujan lebat minggu lalu menenggelamkan kebunnya.

"Pihak berkuasa tempatan perlu turun padang kerana ia bukan sekadar masalah perparitan, malah turut memberi kesan buruk kepada jalan raya," katanya.